

KEPUTUSAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
PERMOHONAN JENAYAH NO: BA-44-317-10/2021

ANTARA

HARIVINOTH A/L ANDREWS

... PEMOHON

DAN

1. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI

2. PENGARAH

PUSAT PEMULIHAN AKHLAK

MACHANG, KELANTAN

3. KETUA POLIS NEGARA

... RESPONDEN-RESPONDEN

A. PENDAHULUAN

Ini merupakan satu permohonan Habeas Corpus terhadap satu Perintah Tahanan bertarikh 23.07.2021 di bawah seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ("Akta tersebut") yang memerintahkan Pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak ("PPA") Machang, Kelantan selama dua (2) tahun.

B. ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN

Berikut merupakan tujuh isu yang dibangkitkan oleh Peguam Pemohon:

- [1] Ketidakpatuhan seksyen 3(3) Akta tersebut - Kelewatan dua puluh (20) hari oleh pegawai penyiasat polis mengemukakan laporan lengkap siasatan kepada Pegawai Penyiasat Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Timbalan Menteri Dalam Negeri (TMDN).

- [2] Ketidapatuhan seksyen 5(2) Akta tersebut - Kelewatan dua puluh enam (26) hari oleh Pegawai Penyiasat KDN (tujuh (7) hari lewat menjalankan siasatan dan kelewatan sembilan belas (19) hari dalam mengemukakan laporan lengkap siasatan kepada TMDN).
- [3] Laporan Pegawai Penyiasat di bawah seksyen 3(3) defektif menjadikan laporan di bawah seksyen 6(1)(a) defektif dan sekaligus menyebabkan Perintah Tahanan defektif.
- [4] Perintah tahanan defektif kerana pengataan-pengataan fakta yang tidak lengkap kerana tidak ada dinyatakan harga/upah.
- [5] Laporan oleh Pegawai Siasatan KDN di bawah seksyen 5(4) defektif menjadikan laporan di bawah seksyen 6(1)(b) defektif dan sekaligus menyebabkan Perintah Tahanan defektif.
- [6] Terdapat keterangan bercanggah berkenaan dengan penyampaian laporan-laporan di bawah seksyen 3(2)(c) dan seksyen 5(4).
- [7] Saksi yang dipohon tidak dikemukakan di hadapan Lembaga Penasihat – Pelanggaran seksyen 12, seksyen 16, Kaedah 10(2) Kaedah-kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987, Perkara 151, Perkara 5 dan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

ISU PERTAMA DAN KEDUA:

KETIDAKPATUHAN SEKSYEN 3(3) AKTA TERSEBUT - KELEWATAN 20 HARI OLEH PENGAWAI PENYIASAT POLIS MENGEMUKAKAN LAPORAN LENGKAP SIASATAN KEPADA PENGAWAI PENYIASAT KDN DAN TMDN; dan

KETIDAKPATUHAN SEKSYEN 5(2) AKTA TERSEBUT - KELEWATAN 26 HARI OLEH PEGAWAI PENYIASAT KDN (7 HARI LEWAT MENJALANKAN SIASATAN DAN KELEWATAN 19 HARI DALAM MENGEMUKAKAN LAPORAN LENGKAP SIASATAN KEPADA TMDN).

- [1] Peguam Pemohon membangkitkan tentang isu kelewatan di pihak Pegawai Penyiasat (20 hari) dan di pihak Pegawai Siasatan KDN (26 hari) dalam mengemukakan laporan lengkap siasatan.
- [2] Kedua-dua isu ini akan diulas bersekali kerana melibatkan isu yang sama dan prinsip undang-undang yang sama.
- [3] Jika dirujuk, seksyen 3(3) Akta tersebut tidak memperuntukan tempoh masa tertentu kepada Pegawai Penyiasat untuk menyerahkan laporan lengkap atas Pemohon kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Inkuiri.
- [4] Dalam keadaan apabila sesebuah Akta Parlimen khusus tidak memperuntukkan tempoh masa spesifik untuk sesuatu tindakan dilaksanakan, tindakan tersebut hendaklah dilaksanakan dalam tempoh kesegeraan yang praktik.
- [5] Seksyen 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 memberi gambaran bahawa perkiraan masa apabila tidak diperuntukkan oleh Akta Parlimen adalah merujuk kepada kesegeraan yang praktik dan sekerap sebagaimana perkara yang diadakan berbangkit (*with all convenient speed and as often as the prescribed occasion arises*).
- [6] Pegawai Penyiasat Polis telah mendeposkan melalui affidavit jawapan beliau seperti berikut:
- i. **Pada 28-05-2021, penangkapan Pemohon di bawah Seksyen 3(1) Akta tersebut telah dibuat dan siasatan awal terhadap Pemohon telah dilaksanakan;**
 - ii. **Pada 29-05-2021, kebenaran lanjutan tahanan terhadap Pemohon di bawah sek 3(2)(a) Akta tersebut diperolehi;**
 - iii. **Pada 30-05-2021, saya serah kebenaran lanjutan tahanan terhadap Pemohon di bawah sek 3(2)(b) Akta tersebut diperolehi;**

- iv. Pada 31 -05-2021, saya telah merakam percakapan Pemohon di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang;
- v. Pada 01-06-2021 hingga 07-06-2021, saya berada di Pejabat untuk menyiapkan tugas-tugas rasmi saya yang lain, menghadiri mesyuarat bersama Ketua Bahagian serta menjalankan Ops Harian di sekitar kawasan IPK Pulau Pinang. Dalam mengemaskini fail kes Pemohon dengan merakam percakapan saksi-saksi pada 03-06-2021 jam 9.00 pagi, 04-06-2021 jam 2.00 petang dan pada 05-06-2021 jam 9.00 pagi dan termasuk menyiapkan laporan-laporan berkaitan siasatan yang telah saya jalankan sebelum ini;
- vi. Pada 08-06-2021, telah menjalankan tugas pemantauan Ops Covid di kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Tamat tugas pada 4.00 petang;
- vii. Pada 09-06-2021, saya bersama anggota ke Bahagian Tahanan JSJN Bukit Aman untuk semakan Fail kes ini serta arahan lanjut siasatan dari JSJN Bukit Aman;
- viii. Pada 10-06-2021, saya berada di Pejabat untuk menyiapkan tugas saya dan mengemaskini fail kes Pemohon termasuk menyiapkan laporan-laporan berkaitan siasatan yang telah saya jalankan sebelum ini;
- ix. Pada 11-06-2021, saya bersama anggota telah bawa Pemohon ke tempat kejadian berlakunya pengedaran dadah oleh Pemohon di kawasan Selangor;
- x. Pada 12-06-2021, saya bersama anggota telah bawa Pemohon ke tempat kejadian berlakunya pengedaran dadah oleh Pemohon di kawasan Pulau Pinang;
- xi. Pada 13-06-2021, saya berada di Pejabat untuk menyiapkan tugas- tugas rasmi saya yang lain serta menjalankan Ops Harian di sekitar kawasan IPK Pulau Pinang dan mengemaskini fail kes Pemohon termasuk menyiapkan laporan-laporan berkaitan

siasatan yang telah saya jalankan sebelum ini;

- xii. Pada 14-06-2021 hingga 16-06-2021, saya telah cuba mengesan saksi- saksi lain kes Pemohon namun tidak berjaya;
 - xiii. Pada 17-06-2021, laporan lengkap penyiasatan ke atas Pemohon di bawah seksyen 3(3) Akta tersebut yang saya telah sediakan telah dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri dan kepada Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri.
14. **Sesungguhnya saya menyatakan bahawa siasatan terhadap Pemohon serta laporan penyiasatan di bawah seksyen 3(3) telah diselesaikan dalam tempoh masa munasabah dan dibenarkan di bawah Akta tersebut. Saya ingin menegaskan bahawa saya perlu mengesan saksi-saksi lain kes Pemohon ini kerana saksi-saksi lain Pemohon ini adalah sebahagian rangkaian sekumpulan orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah. Justeru, saya sememangnya memerlukan masa untuk mengesan saksi-saksi lain kes Pemohon ini. Saya menegaskan bahawa saya tidak dapat mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kes Pemohon kerana penzahiran laporan lengkap penyiasatan Pemohon tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan negara menurut seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan memandangkan laporan tersebut mengandungi maklumat sulit berkaitan dengan saksi-saksi yang telah memberikan keterangan terhadap Pemohon secara sulit dan berasingan. Oleh yang demikian, saya tidak dapat mengemukakan laporan tersebut sebagai ekshibit. Justeru itu saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.**

[7] Secara ringkasnya jarak masa adalah seperti berikut:

BIL.	FAKTA	TARIKH
1.	Tangkapan Pemohon	28/5/2021
2.	Permohonan tahanan lanjut di bawah seksyen 3(2)(a)	29/5/2021
3.	Permohonan tahanan lanjut di bawah seksyen 3(2)(b)	30/5/2021
4.	Rakaman Percakapan Pemohon	31/5/2021
5.	IO berada di pejabat IPK Pulau Pinang untuk menyiapkan tugas rasmi yang lain, menyertai mesyuarat dengan Ketua Bahagian dan menyertai OPS harian	1-7/6/2021
6.	Rakaman Percakapan Saksi-saksi kes	3-5/6/2021
7.	OPS Covid	8/6/2021
8.	Semakan fail dan mendapatkan arahan lanjut Bukit Aman	9/6/2021
9.	IO berada di pejabat IPK Pulau Pinang untuk kemaskini fail kes Pemohon dan menyiapkan laporan kes-kes lain	10/6/2021
10.	Membawa pemohon ke tempat kejadian pengedaran dadah sekitar Selangor	11/6/2021
11.	Membawa pemohon ke tempat kejadian pengedaran dadah sekitar Pulau Pinang	12/6/2021
12.	Kemaskini fail pemohon, tugas-tugas lain, operasi harian di IPK dan siapkan laporan kes kes lain	13/6/2021
13.	Kesan saksi-saksi lain tetapi tidak berjaya	14-16/6/2021
14.	Laporan dikemukakan kepada Menteri dan Pegawai Siasatan KDN	17/6/2021

[8] Pegawai Penyiasat di dalam afidavitnya telah menunjukkan alasan beliau yang menyebabkan berlakunya jarak masa antara penangkapan dan siasatan fizikal serta telah

memberikan penjelasan antara tarikh selesai siasatan fizikal dan penyediaan laporan kepada menteri.

- [9] Masa dihabiskan untuk menyiapkan tugas rasmi yang lain yang melibatkan hal-hal pentadbiran serta menghadiri mesyuarat.
- [10] Namun, jika diteliti berlakunya:
- i. proses semakan dan kemaskini fail pemohon yang dibuat berulang-ulang.
 - ii. proses kesan saksi baru yang memakan masa 3 hari sedangkan telah sedia merakam percakapan 3 orang saksi yang berkaitan sebelum ini,
- [11] Sementara itu, Pegawai siasatan KDN di dalam afidavitnya mengakui telah menerima laporan pada 17.06.2021 namun inquiri hanya dilakukan pada 24.06.2021 dan laporan hanya dihantar ke Menteri pada 13.07.2021. Walaupun beliau menyatakan secara terperinci tugas-tugas yang dilaksanakan, namun masa yang diambil oleh beliau untuk menyediakan laporan adalah terlalu lama. Tambahan pula, tidak ada penjelasan dalam afidavit beliau menyatakan keadaan mana yang telah membuatkan beliau terhalang daripada melengkapkan laporan dalam masa yang terdekat.
- [12] Siasatan terhadap Pemohon dibuat tujuh hari selepas menerima laporan siasatan lengkap daripada Pegawai Penyiasat dan mengambil masa 19 hari untuk kemukakan laporan bertulis kepada TMDN.
- [13] Alasan yang diberikan merupakan tugas yang perlu dilakukan oleh semua pegawai dan merupakan alasan yang tidak diterima dalam kes **Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri & Ors [2019] 6 MLRA**, kes Mahkamah Persekutuan yang terkini untuk isu kelewatan ini.
- [14] Ratio decidendi Mahkamah persekutuan dalam kes **Chua Kian Voon (supra)** berkenaan isu ini adalah seperti berikut:

[64] For clarity, the appeal before us did not concern the manner in which the inquiry was conducted as stipulated under s. 5(3), but rather on the time taken by the inquiry officer to conduct the inquiry against the appellant upon receiving the police investigation report on 25 October 2017, as stipulated under s. 5(2) of the 1985 Act.

.....

[67] Section 5(4) of the 1985 Act allows the Minister to prescribe regulations stipulating time but as apparent from the above, the Minister has not done so. We then turned to s. 54(2) of the Interpretation Acts 1948 and 1967 which stipulates that where no time is prescribed within which anything shall be done, that thing shall be done with all convenient speed and as often as the prescribed occasion requires. Simply put, for any matter where time has not by law been prescribed, such matter ought to be completed as soon as practicable and without inordinate delay.

[68] As the burden to prove the detention was lawful lies on the detaining authority, whether the report was completed with convenient speed or without inordinate delay remains a matter for the detaining authority ie, the respondents, to establish. It is trite that where there is delay on the part of the respondents to complete the report with "convenient speed", it is incumbent upon the respondents to discharge the burden of proffering a satisfactory explanation for the delay. Thus, as we have alluded to earlier, if there is no explanation given, the court will assume that there are no reasons.

[69] We accordingly examined the evidence on record particularly the affidavits deposed by the inquiry officer, Nadia binti Mohd Izhar. We found none of her affidavits nor do any other affidavits from the respondents provide any credible reasons for the 21-day delay. The only reasons she gave in paras. 7 and 8 of her affidavit in reply dated 13 September 2018 were that she could only conduct physical examination on the appellant because she needed to read the file, examine the documents and the other subjects (witnesses). **These, with respect,**

hardly constitute reasons because they are procedural matters which every other inquiry officer in her place would have to perform. The court cannot simply accede to the inquiry officer's plea of heavy workload as basis for the delay to conduct inquiry against the appellant under s. 5(2) of the 1985 Act. If this plea were to be accepted, it would become a source of justification for prolonged and unacceptable delay in conducting the inquiry and this would impair the interest of the appellant.

[70] For the reasons aforementioned and in the absence of credible reasons for the delay, we had no option but to conclude that the 21-day delay in the time taken for the inquiry officer to conduct her inquiry against the appellant was inordinate and not with "convenient speed". This, to us was another reason rendering the detention unlawful."

- [15] Oleh yang demikian, **isu ini adalah bermerit** dan berlakunya suatu ketidakpatuhan prosedur.

ISU KETIGA DAN ISU KELIMA:

LAPORAN PENGAWAI PENYIASAT DI BAWAH SEKSYEN 3(3) DAN LAPORAN OLEH PEGAWAI SIASATAN KDN DI BAWAH SEKSYEN 5(4) MASING MASING ADALAH DEFEKTIF; dan

LAPORAN OLEH PEGAWAI SIASATAN KDN DI BAWAH SEKSYEN 5(4) DEFEKTIF MENJADIKAN LAPORAN DI BAWAH SEKSYEN 6(1)(B) DEFEKTIF DAN SEKALIGUS MENYEBABKAN PERINTAH TAHANAN DEFEKTIF.

- [1] Berhubung dengan isu ketiga, Peguam Pemohon telah mendakwa bahawa rakaman percakapan Pemohon adalah defektif sekaligus mengakibatkan laporan yang disediakan oleh ASP Kamal di bawah Seksyen 3(3) Akta tersebut menjadi defektif yang seterusnya mengakibatkan Perintah Tahanan menjadi defektif.
- [2] Asas dakwaan Peguam Pemohon adalah kerana menurut mereka terdapat kemungkinan ASP Kamal sendiri telah meminda rakaman percakapan Pemohon kerana rakaman percakapan Pemohon hanya diambil setelah rakaman

percakapan saksi saksi lain diambil. Peguam Pemohon juga mendakwa, ketiadaan apa-apa keterangan daripada ASP Kamal menyangkal dakwaan ini menguatkan lagi hujahan Pemohon.

[3] Pihak Responden pula menghujahkan bahawa dakwaan peguam pemohon ini telah sebenarnya disangkal dan dijawab oleh ASP Kamal dalam affidavit jawapan beliau dan menghujahkan bahawa berdasarkan affidavit ASP Kamal, semua prosedur di bawah seksyen 4 telah dipatuhi. Malah, affidavit Lans Koprul A Bathma Raj juga menyokong keterangan yang diberikan oleh ASP Kamal.

[4] Berhubung isu kelima pula, Peguam Pemohon mendakwa laporan oleh Pegawai Siasatan KDN defektif kerana perkara-perkara berikut:

i) Terdapat kesilapan pada affidavit jawapan Tuan Muhammad Rifaei yang menyatakan “sepanjang tempoh 19.10.2020 sehingga 26.10.2020, saya telah mengendalikan enam belas (16) fail kes” sedangkan Pemohon ditangkap pada 28.05.2021. Peguam seterusnya menyatakan berhujah bahawa kesilapan ini berkemungkinan menunjukkan bahawa Tuan Rifaei sebenarnya merujuk kepada fail yang salah dan melibatkan Pemohon lain apabila menyediakan laporan untuk Pemohon.

ii) Tuan Muhammad Rifaie dalam affidavit jawapannya menyatakan yang Pemohon memberitahu tidak perlukan jurubahasa tamil sedangkan pemohon dalam affidavitnya menyatakan ada memberitahu Tuan Rifaei yang pemohon perlukan jurubahasa tamil. Peguam menghujahkan bahawa keterangan affidavit Tuan Rifaie mencurigakan kerana bercanggah dengan Affidavit ASP Kamal, Tuan Rosli dan Tuan Azrul yang semuanya merupakan deponen bagi Responden. Peguam Pemohon seterusnya menghujahkan bahawa ini berkemungkinan disalin daripada affidavit untuk pemohon lain bagi kes lain.

iii) Tuan Rifaie mengambil keterangan dua orang saksi sahaja sedangkan ASP Kamal mengambil keterangan tiga orang saksi. Percanggahan ini juga berkemungkinan menunjukkan affidavit Tuan Rifaie tidak benar dan disalin dari kes pemohon kes lain.

[5] Sementara itu Pihak Responden berhujah seperti berikut:

- i. Isu percanggahan – setiap peringkat siasatan adalah berbeza dan tiada percanggahan yang berlaku dalam Affidavit Jawapan Responden-responden.
- ii. Isu jurubahasa tamil – Pertama, pemohon sendiri menyatakan memahami Bahasa Melayu dan tidak memerlukan jurubahasa tamil. Keduanya, latar belakang pemohon yang bersekolah sehingga Tingkatan lima di Sekolah Sukan Mutiara Impian, Simpang Empat, Pulau Pinang menunjukkan pemohon boleh memahami penggunaan bahasa melayu dengan baik.
- iii. Isu keterangan dua saksi sahaja - Pegawai Siasatan KDN tidak bergantung dengan siasatan pihak polis sebaliknya boleh mengendalikan siasatan inkuiri mengikut budi bicaranya sendiri selaku Pegawai Siasatan KDN selaras seksyen 5(2) dan seksyen 5(4) Akta tersebut.

[6] Isu ini dibincangkan secara bersekali kerana berkisar tentang laporan lengkap siasatan. Isu ini tidak bermerit kerana apa-apa sekalipun, laporan lengkap siasatan oleh Pegawai Penyiasat dan Pegawai Siasatan KDN adalah rahsia. Oleh yang demikian, semua dakwaan oleh Peguam Pemohon adalah bersifat kemungkinan dan merupakan anggapan Peguam Pemohon semata-mata. Pegawai Penyiasat dan Pegawai Siasatan KDN telah menjelaskan dalam affidavit mereka berkenaan prosedur yang betul yang telah diikuti dan semua kesilapan pengkeranian telah diperbetulkan, maka isu laporan defektif langsung tidak bermerit.

ISU KEEMPAT:

PERINTAH TAHANAN DEFEKTIF KERANA PENGATAAN-PENGATAAN FAKTA YANG TIDAK LENGKAP KERANA TIDAK ADA DINYATAKAN HARGA/UPAH

- [1] Peguam Pemohon menghujahkan bahawa setiap Pengataan-Pengataan Fakta yang atas Perintah Tahanan diasaskan mestilah merangkumi tempoh masa aktiviti pengedaran dadah berlaku, tempat di mana aktiviti pengedaran dadah berlaku, jenis dadah, harga dadah, peranan orang tahanan dan upah yang diperolehi oleh orang tahanan. Namun, dalam kes ini, upah yang diperolehi oleh orang tahanan tidak dinyatakan. Peguam Pemohon seterusnya menghujahkan bahawa Perintah Tahanan yang dikeluarkan terhadap Pemohon juga adalah ex-facie defektif memandangkan terdapat kesilapan/ketidaklengkapan dalam Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah Tahanan itu diasaskan.
- [2] Pihak Responden pula menghujahkan bahawa Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh TMDN adalah sah di sisi undang-undang dan keputusan Menteri tidak sewajarnya dicabar sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 11C Akta tersebut.
- [3] Selanjutnya, pihak Responden menghujahkan bahawa Pengataan Fakta menunjukkan peranan Pemohon sebagai pengendali transaksi pengedaran dadah yang berlaku di antara orang suruhan dan pembekal dadah tempatan. Pemohon juga menerima bekalan dadah daripada pengedar dadah tempatan bagi tujuan pengedaran. Peranan Pemohon ini telah menunjukkan bahawa Pemohon mempunyai kaitan dengan sekumpulan besar orang berdasarkan Pengataan Fakta tersebut.
- [4] Merujuk kepada kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu kes **Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia [1969] 2 MU 129** seperti yang berikut:

'Finally, in my opinion, it is not for a court of law to pronounce on the sufficiency, relevancy or otherwise of

*the allegations of fact furnished to him. The discretion whether or not the appellant should be detained is placed in the hands of the Yang di-Pertuan Agong acting on Cabinet advice. **Whether or not the facts on which the order of detention is to be based are sufficient or relevant, is a matter to be decided solely by the executive. In making their decision, they have complete discretion and it is not for a court of law to question the sufficiency or relevance of these allegations of fact.***

.....

In any event it is not for the court to judge the vagueness, sufficiency or relevance of the allegations of fact on which an order of detention is based. It is for the executive to do so.

.....

*Lastly, there is also the appellant's affidavit in which he categorically denies each and every one of the allegations of fact and contends in each case that even if the allegation is true, it cannot constitute a threat to the past or future security of Malaysia. In this connection, I shall be content to say that in habeas corpus proceedings, such as this, **the court is not concerned with the truthfulness or otherwise of the allegations because the question whether it is necessary that a person be detained under s. 8(1)(a) of the Internal Security Act, 1960 is a matter for the personal or subjective satisfaction of the executive authority.** Accordingly, no consideration can be given to the appellant's denial and no opinion need be expressed on his contentions.'*

- [5] Isu ini juga tidak bermerit kerana persoalan pengatahan fakta yang menjadi asas Perintah Tahanan lengkap atau tidak terletak di bawah bidang kuasa Menteri bukan badan kehakiman.

ISU KEENAM:

TERDAPAT KETERANGAN BERCANGGAH BERKENAAN DENGAN PENYAMPAIAN LAPORAN-LAPORAN DI BAWAH SEKSYEN 3(2)(C) DAN SEKSYEN 5(4)

- [1] Peguam Pemohon juga membangkitkan isu mengenai laporan disampaikan kepada Menteri Dalam Negeri (MDN), namun TMDN telah mengakui penerimaan laporan-laporan di bawah seksyen 3(2)(c) dan seksyen 5(4) Akta tersebut.
- [2] Isu ini juga tidak bermerit kerana penerimaan oleh TMDN adalah sah dan teratur memandangkan TMDN membantu MDN dan mempunyai kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa MDN di bawah Akta tersebut, termasuklah untuk menerima laporan-laporan dan penerimaan laporan-laporan telah diakui dan disahkan oleh TMDN.

ISU KETUJUH:

SAKSI YANG DIPOHON TIDAK DIKEMUKAKAN DI HADAPAN LEMBAGA PENASIHAT – PELANGGARAN SEKSYEN 12, SEKSYEN 16, KAEDAH 10(2) KAEDAH-KAEDAH DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PROSEDUR LEMBAGA PENASIHAT) 1987, PERKARA 151, PERKARA 5 DAN PERKARA 8 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

- [1] Peguam Pemohon seterusnya mendakwa Lembaga Penasihat telah gagal untuk mengeluarkan sepina kepada saksi-saksi yang ingin dipanggil ke pendengaran representasi Pemohon walaupun telah dipohon. Justeru, Pemohon mendakwa Pemohon telah dinafikan suatu pendengaran representasi yang adil dan efektif yang menyebabkan ketidakpatuhan prosedur terhadap peruntukan seksyen 12 Akta dan seksyen 16 Akta tersebut, Kaedah 10(2) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 serta Perkara 151, Perkara 5 dan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.
- [2] Peguam Pemohon seterusnya berhujah bahawa Pemohon telah mengikuti prosedur yang betul dalam membuat permohonan pengeluaran sepina kepada tiga (3) orang saksi

polis dan lima (5) orang saksi tahanan banduan reman di mana surat permohonan telahpun dihantar kepada Lembaga Penasihat dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, permohonan pengemukaan dua (2) orang saksi tahanan LLPK juga telah dibuat kepada pihak KDN. Namun demikian, permohonan Pemohon untuk memanggil saksi-saksi material ini telah ditolak tanpa sebarang alasan yang munasabah.

- [3] Pihak Responden pula berhujah bahawa budi bicara Lembaga Penasihat hanya mengeluarkan sapina kepada Pegawai Penyiasat Kes Fail yang difikirkan perlu dan amat material untuk hadir. Dan bagi saksi-saksi lain, Lembaga Penasihat tidak menghalang untuk dibawa ke hadapan Lembaga Penasihat tetapi permohonan harus dibuat oleh peguam kepada pihak berotoriti terlebih dahulu dan bukannya melalui Lembaga Penasihat.
- [4] Premis hujahan Responden tetap bahawa Pemohon telah mendapat representasi yang adil, sempurna, dan efektif melalui haknya untuk didengar dan diwakili oleh peguam. Oleh itu, berdasarkan peruntukkan undang-undang yang digariskan, pihak Responden telah melepaskan beban untuk memberikan Pemohon suatu pendengaran yang adil dan sempurna. Sepanjang pendengaran di hadapan Lembaga Penasihat, Pemohon tidak pernah diprejudiskan dan semua hak termasuklah hak asasi sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan prinsipnya telah diikuti oleh pihak Responden.
- [5] Isu ini tidak bermerit. Perkembangan undang-undang terbaru di peringkat Mahkamah Persekutuan bagi isu ini telah dibincangkan dalam kes **Tamilarasan Subramaniam v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2021] 10 CLJ 163** di mana tidak mandatori bagi Lembaga Penasihat untuk bersetuju dengan permohonan seorang tahanan untuk memanggil saksi semasa pendengarannya.
- [6] Petikan kes yang berkaitan dalam kes **Tamilarasan Subaramanian (supra)** adalah seperti berikut:

(4) Perayu menghujahkan bahawa kes Lim Wen Jeng v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri

*Malaysia & Ors boleh dibezakan faktanya kerana, dalam kes tersebut, perayu gagal menyatakan secara khusus apakah keterangan yang dua saksi yang ingin dipanggil akan beri kepada Lembaga Penasihat, sedangkan dalam kes ini, perayu telah berbuat demikian. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan tersebut kerana ratio decidendi dalam kes tersebut jelas; bawah s.9 Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 5, 1969, yang serupa bukan sahaja dari segi bentuk tetapi juga inti pati dengan s.12 Akta, **tidak menjadi syarat wajib tatacara buat Lembaga Penasihat menyetujui permohonan seorang tahanan untuk memanggil saksi yang ingin dipanggil semasa perbicaraan perwakilan. Tiada alasan untuk menyimpang daripada keputusan dalam kes tersebut.**'*

- [7] Walaupun Peguam Pemohon ada merujuk kes Mahkamah Persekutuan **Muniandy v. Lembaga Pencegahan Jenayah & 2 Lagi**, namun merit dan ratio decidendi yang memutuskan habeas corpus dibenarkan atas isu ini tidak dapat dilihat kerana keputusannya masih baru (03.03.2022). Oleh itu, kes Mahkamah Persekutuan **Tamilarasan Subramaniam (supra)** terpakai dan mengikat Mahkamah Tinggi setakat ini.

C. KESIMPULAN

- [1] Prinsip undang-undang adalah jelas bahawa dalam suatu permohonan seperti di hadapan Mahkamah ini yang berkaitan dengan suatu tahanan oleh pihak berkuasa, adalah menjadi tanggungjawab Responden sepenuhnya untuk memberi keterangan dan mengemukakan bukti kepada Mahkamah bahawa tahanan tersebut merupakan tahanan yang sah di sisi undang-undang. Pemohon tidak langsung ditetapkan apa-apa tanggungjawab di bawah undang-undang untuk menunjukkan kepada Mahkamah bahawa dia perlu dan berhak diberi kebebasan dari tahanan itu.

- [2] Kegagalan Responden memberi penjelasan serta alasan yang kredibel seperti yang dibincangkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Chua Kian Voon (supra)** tentang isu lewat melengkapkan laporan lengkap siasatan merupakan satu ketidakpatuhan prosedur yang serius meskipun isu-isu lain yang dibangkitkan tidak bermerit.
- [3] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, Mahkamah ini membenarkan permohonan Pemohon untuk Habeas Corpus dan Pemohon dibebaskan dengan serta merta.


(NORSHARIDAH BINTI AWANG)
Pesuruhjaya Kehakiman

Tarikh: 25 April 2022